

CUBAAN SEBAR VIDEO HASUTAN, TH BUAT LAPORAN POLIS DAN SKMM

KUALA LUMPUR, 22 OGOS 2025: Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah membuat laporan polis dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) susulan daripada penyebaran beberapa video berunsur fitnah dan hasutan di laman sosial.

TH memandang serius perkara ini dan sedang melaksanakan pemantauan rapat terhadap sebarang hantaran di media sosial sama ada video atau penulisan yang cuba menghasut masyarakat dengan maklumat tidak benar yang boleh mencemarkan imej **TH**.

TH akan memberikan kerjasama penuh kepada pihak berkuasa dalam menyalurkan maklumat bagi melengkapkan siasatan dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mana-mana individu dan pemilik akaun media sosial yang membuat hantaran berunsur hasutan mengikut lunas undang-undang.

TH juga ingin menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah mempercayai sebarang maklumat yang dikongsikan yang tidak dapat dipastikan kesahihan sumbernya. Ikuti saluran media sosial rasmi **TH** untuk dapatkan sumber maklumat yang tepat dan sahih.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, Tuan Haji Mustakim Mohamad berkata hantaran video dengan provokasi dan tuduhan melulu kepada organisasi ini terutamanya berkaitan inisiatif penjenamaan dan tadbir urus **TH** yang tidak tepat boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat umum.

“**TH** ditubuhkan dengan niat utama untuk umat Islam Malaysia menabung dan menyempurnakan simpanan bagi tujuan haji. Namun kebelakangan ini, ianya lebih dikenali bagi perkhidmatan haji dan pada masa yang sama, kos mengerjakan haji kian meningkat tetapi kadar simpanan pendeposit tidak berkembang. Kebanyakan pendeposit tidak mempunyai simpanan yang cukup untuk mengerjakan ibadat haji. Bagi menangani masalah ini, **TH** sedang melaksanakan inisiatif penjenamaan untuk memperkasakan **TH** sebagai institusi simpanan Islam pilihan dimana umat Islam kekal menabung secara sistematik dan konsisten. Bagi mencapai matlamat ini, **TH** memerlukan kepakaran teknikal yang bersesuaian dan amalan ini adalah sama seperti contoh-contoh daripada sejarah Islam.

“Pengurusan **TH** dan urusan ibadat haji tetap dikendalikan oleh pasukan pengurusan yang 100% bumiputera Muslim tetapi pelbagai sokongan teknikal diperlukan bagi inisiatif penjenamaan yang kompleks ini dan dibekalkan oleh konsortium yang dibentuk oleh **TH**. **TH** perlu menjadi sebuah institusi simpanan yang berpaksikan pelanggan dan ini memerlukan evolusi strategi operasi dan jenama yang relevan, efektif dan bersesuaian dengan perubahan demografi yang dinamik.

“Pelaksanaan pelan penjenamaan ini adalah usaha untuk memperkasakan semula peranan **TH** sebagai institusi simpanan Islam yang dihormati agar umat Islam dapat mengembangkan simpanan mereka dan menunaikan ibadat haji,” tambah beliau.

-TAMAT-